

20/09/1997

Pengisytiharan Darurat Jerebu

Berikut ialah teks penuh Pengisytiharan Darurat Jerebu oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang juga Pengarah Gerakan Negara. MEMANDANGKAN keadaan jerebu di Sarawak pada masa ini telah mencapai tahap Indeks Pencemar Udara (API) 500 ke atas dan adalah dianggarkan tahap ini akan berterusan beberapa lama lagi, maka dengan ini, saya mengisytiharkan keadaan Darurat Jerebu bagi seluruh negeri Sarawak mulai dari sekarang hingga ke suatu masa pengisytiharan ini ditarik balik, selaras keputusan Jemaah Menteri pada 18 September 1997.

Adalah dijelaskan bahawa pengisytiharan Darurat Jerebu ini tidak melibatkan penguatkuasaan perintah berkurung dan juga tidak ada perubahan dalam corak dan sistem pemerintahan Kerajaan negeri Sarawak sekarang ini. Bagaimanapun, Polis Diraja Malaysia dan Angkatan Tentera Malaysia hendaklah mengatur dan mengambil langkah-langkah yang perlu bagi menjamin keberterusan keamanan dan keselamatan Negeri Sarawak.

Satu Garis Panduan mengenai tindakan untuk menghadapi Darurat Jerebu ini disediakan seperti di Lampiran A. Semua pihak hendaklah melaksanakan tugas dan tanggungjawab masing-masing dengan berpandukan Garis Panduan itu.

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad,
Perdana Menteri
Merangkap Pengarah Gerakan Negara.
Bertarikh: 19 September 1997

(END)